




MODEN... tidak mustahil makcik penjual pisang goreng ini mampu memperluaskan pasarannya hingga ke luar negara jika menggunakan bantuan ICT dalam operasi perniagaannya.



MEMUDAHKAN... rumusan komunikasi bersepadu Cisco membantu pengurusan sesebuah perniagaan PKS untuk berkembang pesat.



TANPA WAYAR... router Cisco yang memberi keupayaan capaian Internet tanpa wayar.

Pertumbuhan PKS

H/M 13/2/08
M/S v2 + v3

buka peluang pekerjaan

Dalam tempoh 10 tahun terakhir ini PKS wujudkan 80 peratus peluang pekerjaan setiap tahun



PILIHAN... pelbagai model telefon bimbit membanjiri pasaran tempatan boleh dipilih dari harga yang mahal atau murah, fungsinya tetap sama iaitu komunikasi.

>>Oleh Husain Jahit

husain@hmetro.com.my

SEDARCAH kita makcik dan pakcik yang menjual pisang goreng di tepi jalan itu juga dikira sebagai pengusaha perniagaan yang termasuk dalam kategori perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Jumlah sebenar pengusaha ini mungkin tidak ada di dalam statistik mana-mana agensi kerajaan di Malaysia dek kerana perniagaan yang tidak berdaftar dan hanya menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan bagi menampung keperluan kewangan keluarga.

Kewujudan mereka juga kadangkala tidak kekal. Sekejap ada, tak lama kemudian hilang dan timbul yang lain pula.

Namun, mereka inilah

Untuk memastikan kesinambungan aktiviti PKS, kerajaan bersama agensi berkaitan dengannya serta pihak swasta terutamanya institusi kewangan menyediakan pelbagai bantuan sama ada dari segi pengurusan atau kewangan.

sebenarnya yang menjadi pemangkin ekonomi negara kerana dari jumlah yang sedikit itu jika dihipunkan akan menjadi banyak dan pendapatan mereka menjadi besar.

Mungkin lebih 400,000 PKS berada di seluruh negara dengan pelbagai aktiviti perniagaan yang dijalankan, daripada

makanan hinggalah pertanian dan pembuatan.

Untuk memastikan kesinambungan aktiviti mereka, kerajaan bersama agensi berkaitan dengannya serta pihak swasta terutamanya institusi kewangan menyediakan pelbagai bantuan sama ada dari segi pengurusan atau kewangan.

Pertumbuhan PKS turut membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat di negara ini.

Dengan 100 juta PKS yang ada di seluruh dunia ketika ini (lebih banyak jika dibandingkan dengan gabungan seluruh penduduk di Korea dan Australia), ia berjaya mewujudkan peluang pekerjaan kepada lebih 1.5 bilion orang.

Itu bermakna fenomena PKS membantu pertumbuhan ekonomi negara itu bukan saja

berlaku di sini, malah turut dirasai di seluruh dunia.

Di India terdapat 10 juta PKS ketika ini dan dijangka meningkat sekali ganda dalam tempoh tiga tahun.

Lebih 70 peratus pekerjaan di India diwujudkan daripada PKS, manakala China mewujudkan 80 peratus peluang pekerjaan.

Secara purata dalam tempoh 10 tahun terakhir ini, PKS mewujudkan 80 peratus peluang pekerjaan setiap tahun.

Berdasarkan tinjauan penyedia rumusan rangkaian terkemuka dunia, Cisco Systems Inc. (Cisco) menunjukkan sebanyak 237,000 komputer peribadi (PC), 54,000 peranti telapak dan 273,000 telefon bimbit dibeli setiap hari oleh PKS.

Ia jelas membuktikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah faktor pemboleh

kepada PKS untuk lebih berdaya saing di dalam negara sendiri atau langsung ke peringkat antarabangsa.


Menurut Pengarah, Operasi Komersial, Asia Pasifik, Cisco, Stuart Hendry, China saja membelanjakan kira-kira AS\$28 bilion untuk ICT sepanjang 2007, sementara Korea membelanjakan AS\$16 bilion dan negara Asean membelanjakan AS\$11.1 bilion.

Katanya, petunjuk itu jelas membuktikan kita berada di era perniagaan dan teknologi eksponensial.

"ICT adalah satu daripada kaedah yang amat diyakini dapat membantu PKS berkembang pesat hingga ke peringkat global. Kami sebagai vendor ICT terkemuka berasa terpacu untuk membantu mereka mengembangkan pasaran."

"Kami tidak pernah memandang rendah PKS walaupun selama ini kami lebih banyak menumpukan pasaran kepada syarikat besar. Kami tahu perbelanjaan PKS di negara Asean ke atas ICT dijangka melebihi AS\$11.1 bilion tahun ini," katanya.

Oleh itu, kata Hendry pasaran PKS amat besar dan jika seperuh daripada PKS sedunia menggunakan produk tanpa wayar Cisco, jumlah




PEJABAT KECIL...set pejabat ini kelihatan ringkas, tapi lengkap dengan perkakasan ICT seperti PC, telefon dan mungkin sambungan Internet.

Sekiranya semua pengusaha PKS memanfaatkan pelbagai kemudahan yang sudah sedia ada di negara ini, sudah pasti makcik nasi lemak atau pakcik pisang goreng mampu hidup lebih mewah apabila perniagaan mereka turut berkembang sebagaimana berkembangnya inovasi ICT.

lebih mewah apabila perniagaan mereka turut berkembang sebagaimana berkembangnya inovasi ICT di negara ini.

Kita masih mengambil contoh makcik atau pakcik menjual goreng pisang, tapi tidak pernah dilihat mereka meletakkan nombor telefon sebagai iklan. Sebagai pelanggan mungkin lebih baik menelefon terlebih dahulu sebelum keluar rumah kerana dikhuatiri kedai tutup atau jualan habis.

Kemudahan sebegitu yang tidak disedari kebanyakan pengusaha PKS di negara kita, walaupun kita tahu lebih 80



HENDRY...Cisco bantu PKS berkembang

amat menjimatkan. Contohnya telefon IP yang hanya dikenakan caj dengan kadar tempatan walaupun membuat panggilan antarabangsa.

Menurut Hendry, Cisco mendefinisikan pengusaha perniagaan kecil sebagai syarikat yang memiliki kurang daripada 100 pekerja dan syarikat bersaiz sederhana pula dengan jumlah pekerja di antara 100 hingga 249 orang.

"Untuk itu, Cisco memiliki portfolio lengkap akhir-ke-akhir bagi rumusan sistem berangkaian dari router, suis, storan tanpa wayar dan komunikasi

kan pengurusan perniagaan itu lebih cekap dan berkesan.

Satu kajian kes ke atas syarikat perunding pemasaran tempatan, In2 Marketing & Consulting Sdn Bhd yang sudah berjaya menembusi pasaran serantau, mendapati syarikat itu amat berpuas hati dengan prestasi rumusan yang diperkenalkan Cisco kerana sudah menyumbang secara signifikan kepada penjimatan kos.

Menurut syarikat itu, dengan rumusan Cisco, syarikat memiliki keanjalan untuk menambah kapasiti apabila

Ujialah Cisco akan meningkatkan sebanyak AS\$10 bilion dan jika 10 peratus daripada PKS itu memiliki telefon IP Cisco di atas meja mereka, jumlah telefon IP Cisco yang dikirim hingga hari ini akan meningkat sepuluh kali ganda.

Menurut Hendry lagi, daripada kajian AMI Partner mengenai perbelanjaan ICT PKS di seluruh dunia bagi 2007 saja sudah melepasi belanjawan yang dikeluarkan syarikat-syarikat besar.

Lebih 80 peratus masyarakat di Malaysia sudah memiliki telefon bimbit dan lebih 90 kawasan berpenduduk di Malaysia sudah diliputi rangkaian telekomunikasi mudah alih.

Penyedia perkhidmatan jalur lebar negara juga tidak kira

kaedah berwayar atau tanpa wayar begitu agresif menyediakan pelbagai tawaran untuk menarik lebih ramai pelanggan mengguna pakai jalur lebar bagi capaian Internet berkelajuan tinggi.

Jelas sekali komunikasi amat penting dalam urusan seharian. Dengan telefon bimbit kita boleh berhubung di antara satu dengan lain hampir di mana saja. Manakala menerusi Internet kita boleh mengirim e-mel, mencari maklumat dan sebagainya untuk mengembangkan perniagaan.

Sekiranya semua pengusaha PKS memanfaatkan pelbagai kemudahan yang sudah sedia ada di negara itu, sudah pasti makcik nasi lemak atau pakkik pisang goreng mampu hidup

peratus penduduk negara ini sudah memiliki telefon bimbit yang memberi makna bahawa daripada 10 gerai pisang itu, lapan daripadanya memiliki telefon bimbit.

Kadar penembusan pemilikan komputer peribadi juga meningkat secara mendadak di negara ini. Jika digabungkan dengan perkhidmatan jalur lebar atau capaian Internet menggunakan kaedah dail masuk, sudah tentu e-mel pula menjadi kaedah komunikasi paling pantas dan menjimatkan.

Apa ditunggu lagi? Paparkan papan iklan di setiap gerai atau pejabat anda lengkap dengan nombor telefon dan alamat e-mel untuk memudahkan orang ramai menghubungi anda, sekali gus perniagaan

berkembang pesat secara tidak langsung.

Adalah lebih baik sekiranya kemudahan komunikasi seperti itu digunakan. Jika mahukan perniagaan berkembang maju, jangan diabaikan kemudahan sedia ada.

Berbalik kepada penyedia rumusan rangkaian Cisco, gergasi dunia itu juga sebenarnya memiliki pelbagai rumusan untuk kemudahan pengusaha PKS terutama yang beroperasi di dalam pejabat.

Selain kemudahan capaian Internet di atas sistem berangkaian, komunikasi asas suara menggunakan telefon berprotokol Internet (IP) juga amat berguna kepada PKS.

Kemudahan berasaskan IP adalah antara kaedah yang

bersepadu.”

“Antaranya Cisco 800 Series dan 1800 Series (router), Cisco Catalyst Express 500 dan Catalyst 2960 (suis), Cisco Aironet AP1000, 1130AG/1230AG dan 1242AG series (storan tanpa wayar) serta Unified Comm Mgr Express Unity Express dan End-points & Mobility (komunikasi bersepadu),” katanya lagi.

Dengan amalan perkomputeran berangkaian di sesebuah pejabat PKS, satu penjimatan besar dapat dilakukan kerana semua pekerja boleh berkongsi di atas satu talian bagi mencapai perkhidmatan Internet.

Mereka juga boleh berkongsi sistem storan, berkongsi mesin pencetak, malah berkongsi fail dengan mudah untuk menjadi-


diperlukan dan kami boleh menyeragamkan mengikut keperluan semasa dan keperluan masa depan.

Rumusan Cisco menyokong pertumbuhan syarikat serta meringkaskan pengurusan, penyelenggaraan dan latihan, di samping meningkatkan kecekapan dan kos pemilikan yang rendah, kata In2 Marketing.

Hendry berkata, Cisco akan menjalin kerjasama lebih erat dengan rakan niaga tempatan untuk memasarkan secara agresif produk sedia ada sebagai usaha meningkatkan pasaran dan membantu pengurusan PKS mengembangkan perniagaan bukan saja di dalam negeri, malah terus ke peringkat antarabangsa.



MAJU... antara telefon IP Cisco yang sudahpun memasuki pasaran untuk membantu perniagaan dalam komunikasi yang lebih canggih dan menjimatkan.



SUIS... antara produk teras Cisco yang membolehkan kita berkongsi maklumat di atas satu rangkaian dan satu talian Internet.